

Pendekatan Teori Pilihan Rasional: Analisis Terhadap Budaya Politik Melayu Terengganu

Rational Choice Theory: An Analysis towards Terengganu Malay Political Cultures

Ilyas Abdullah¹, Jamaie Hamil², Sity Daud³

¹Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

²Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

³Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 23 Januari 2018

Disemak: 2 May 2018

Diterbit: 1 Jun 2018

*Corresponding Author:

Ilyas Abdullah

Fakulti Sains Sosial Dan
Kemanusiaan, Universiti
Kebangsaan Malaysia, Bangi,
Malaysia

Email:

ilyasabdullah084@gmail.com

Abstrak: Dalam konteks politik dan pilihan raya di Terengganu, sambutan masyarakat Melayu Terengganu terhadap parti politik bukan dominan selain UMNO dan PAS adalah kurang menggalakkan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan keputusan pilihan raya di Terengganu dari tahun 1959 sehingga tahun 2013. Meskipun parti-parti lain seperti Parti Negara, Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) turut terlibat dan memenangi beberapa kerusi dalam pilihan raya di Terengganu, namun sokongan yang diberikan ke atas parti tersebut tidak konsisten sepertimana sokongan yang diberikan kepada parti UMNO dan PAS. Faktor ini banyak didorong oleh tahap pembangunan negeri Terengganu yang perlahan menjadikan pendekatan kempen yang bersifat *simple logic* dan pendekatan *for immediate consumption* lebih mudah diterima dan praktikal dalam menarik sokongan rakyat. Budaya tersebut telah memainkan peranan penting dalam menjamin kemenangan UMNO di Terengganu dari tahun 1961 sehingga 1995 dengan begitu selesa. Walaupun begitu, budaya politik Melayu telah berubah rentetan daripada pergolakan politik yang berlaku pada tahun 1998. Pergolakan tersebut telah membawa kepada kebangkitan kesedaran sivil. Gerakan Reformasi dibentuk bertujuan untuk menyedarkan rakyat untuk menuntut kebebasan demokrasi yang lebih baik, pembaharuan ekonomi dan juga perubahan social. Perubahan budaya politik di Malaysia pasca PRU ke-10 juga boleh dikaitkan dengan teori pilihan rasional. Masyarakat Melayu menjadi lebih rasional khususnya dalam konteks pemilihan pemimpin. Pembangunan ekonomi tidak lagi menjadi faktor tunggal dalam memberikan kepatuhan kepada pemerintah. Masyarakat Melayu turut mengenakan syarat-syarat tertentu yang perlu dinilai dan ditafsirkan semula sebelum memberikan ketaatsetiaan dan sokongan kepada pemerintah. Ketaatsetiaan tidak lagi diberikan secara semberono bahkan telah berubah daripada nilai materialis yang mementingkan kemewahan dan kemajuan kebendaan kepada kecenderungan baru dengan memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang tidak bersifat materialis seperti urustadbir yang baik, ketelusan pentadbiran, pembangunan yang adil dan seimbang serta tuntutan-tuntutan siviliti lain yang bersifat sejagat.

Kata kunci: Teori Pilihan Rasional, Budaya Politik Melayu.

Abstract: In the context of politics and elections in Terengganu, Malay community response against the non-dominant political party other than UMNO and PAS are less encouraging. This can be seen based on election results in Terengganu from 1959 until the year 2013. Although other parties such as the National Party, the Parti Melayu Semangat 46 (S46) and Parti Keadilan Rakyat (PKR) to participate and won several seats in elections in Terengganu, but support on the party is inconsistent as well as the support provided to the party UMNO and PAS. This factor driven by the level of development of the State of Terengganu, which slowly makes the approach of the campaign of a simple logic and approach for immediate consumption, are more easily accepted and practical in attracting the support of the people. The culture has played an important role in guaranteeing victory UMNO in Terengganu from the year 1961 until 1995 with so comfortable. Even so, the Malay political culture has changed the string of political unrest that occurred in 1998. The unrest has led to the rise of civil

awareness. Reform movement aimed at alerting citizens formed to demand the freedom of better democracy, economic reforms and social changes also. Change of political culture in Malaysia post PRU to-10 can also be associated with rational choice theory. Malay society becomes more rational in particular in the context of the selection of leaders. Economic development will no longer be the sole factor in providing adherence to the ruler. Malays also impose certain conditions that must be evaluated and interpreted again before you give loyalty and support to the ruling. Malay community in Terengganu today no longer simply give their loyalty to the government but has changed by giving priority to matters that are not of a material such as good governance, administrative transparency, a fair and balanced development as well as other civil claims of a universal.

Keywords: *Rational Choice Theory, Malay Political Culture.*

Pengenalan

Teori pilihan rasional pada dasarnya merupakan satu teori yang digunakan dalam perbincangan ilmu ekonomi. Dalam konteks pasaran dan kegiatan ekonomi, konsep kedaulatan pengguna dan pemaksimuman keuntungan adalah berhubungkait dengan peruntukan sumber yang terhad. Menurut teori ekonomi, individu atau firma akan sentiasa memilih untuk memaksimumkan keuntungan serta kepuasannya. Manusia yang rasional dari segi ekonomi akan mengumpulkan modal dengan cara yang paling cekap untuk mendapatkan keuntungan. Selain itu, pengguna atau firma juga akan menentukan jenis dan kuantiti barangan yang patut dibeli atau dikeluarkan. Bagi mencapai tahap keuntungan yang maksimum, firma akan bertanding untuk memenuhi permintaan pengguna dengan cara yang paling menguntungkan. Prinsip utama teori ekonomi ini ialah pemaksimuman keuntungan bagi firma serta pemaksimuman keuntungan, kepuasan serta faedah bagi pengguna. Justeru teori ini tidaklah sukar untuk dihubungkan dalam konteks kajian ilmu sains politik. Menurut Downs (1957), teori pilihan rasional juga digunakan untuk menjelaskan pilihan politik pengundi dalam pilihanraya. Dalam proses membuat pilihan, pengundi akan memberikan undi kepada parti yang dirasakan mampu untuk memenuhi segala tuntutan mereka berpandukan kepada maklumat-maklumat dan pengetahuan politiknya. Pemimpin-pemimpin dan parti politik akan menyesuaikan matlamat perjuangannya selari dengan kehendak pengundi bagi mempengaruhi sokongan. Dalam membuat pilihan, pengundi akan mempertimbangan segala kos dan faedah sebelum membuang undi. Secara asasnya, pendekatan pilihan rasional ini bermotifkan kepada aspek faedah dan jangkaan yang bakal diperolehi berdasarkan pilihan yang dibuat. Darjah kestabilan sesebuah sistem politik seringkali dikaitkan dengan tahap pembangunan ekonomi.

Permasalahan Kajian

Dalam pilihan raya di Malaysia, UMNO-BN sering memanipulasikan isu pembangunan sebagai wacana untuk mendapatkan taatsetia daripada rakyat. Dasar

ekonomi yang dipilih dan dirancang dilihat seringkali berjaya mententeramkan keadaan yang tidak stabil. Hal ini menjadikan keyakinan rakyat terhadap UMNO-BN begitu kukuh. Sebelum PRU ke-10, penglibatan politik hanya didominasi oleh masyarakat desa dan juga petani, namun selepas PRU ke-10 masyarakat bandar dan industri mula aktif dalam perkara yang berhubungkait dengan persoalan kehidupan berpolitik. Politik Malaysia tidak lagi berkisarkan kepada sikap etnisiti dan juga pembangunan malahan telah berubah kepada suatu keadaan yang mementingkan nilai sejagat yang lebih universal. Pembangunan juga dinilai dalam erti kata yang lebih mendalam dan bermakna dan tidak lagi semberono. Sebarang tindakan daripada kerajaan yang tidak selari dengan hasrat rakyat akan menerima tentangan. Apabila masyarakat semakin banyak mengecapi nikmat pembangunan dan kemajuan kebendaan, maka akan lahir pula kecenderungan baru yang lebih memberikan keutamaan kepada perkara-perkara yang tidak bersifat materialis.

Sorotan Kajian Lepas

Budaya Politik Melayu Terengganu

Kajian yang dilakukan oleh Wan Rohila Ganti (2008) dalam artikelnya berjudul "*Pilihan Raya Umum ke-12: Suatu Kajian Kes Politik Luar Bandar*" mendapati pengundi di Kuala Berang merupakan pengundi luar bandar yang masih dihipit oleh masalah kemiskinan. Kebergantungan mereka terhadap bantuan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan sangat kuat. Budaya politik pengundi di Kuala Berang tidak sama seperti pengundi di kawasan bandar yang lebih yakin dan cenderung untuk menukar kerajaan. Hal ini kerana pengundi di bandar kurang bergantung kepada bantuan daripada kerajaan berbanding pengundi luar bandar. Pengundi di Kuala Terengganu sangat rasional dalam membuat pemilihan wakil rakyat dalam setiap pilihan raya. Perkara ini dapat dijelaskan apabila Kuala Terengganu pernah dikuasai oleh parti yang berbeza-beza sepanjang sejarah pilihan raya di Terengganu. Kuala Terengganu bukanlah kawasan yang selamat bagi mana-

mana parti politik yang bertanding. Isu-isu yang dekat dengan kehidupan pengundi adalah sangat signifikan dalam pembentukan budaya politik pengundi di Terengganu.

Hujah Wan Rohila Ganti (2008) diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Che Hamdan *et. al* (2008) dalam artikelnya bertajuk “*Budaya Politik Dalam Pilihan raya Umum Ke-12: Kajian Kes Parlimen Dungun*”. Beliau menyatakan Terengganu merupakan salah satu negeri yang digelar “*Malay Belt State*” yang mana penduduknya terdiri daripada 92 peratus Melayu. Kadar kemiskinan yang tinggi menjadikan isu pembangunan dan bantuan daripada kerajaan negeri dan persekutuan sebagai senjata utama dalam kempen menjelang sesuatu pilihan raya di Terengganu. Sebahagian pengundi di beberapa kawasan DUN di Terengganu masih meletakkan harapan yang tinggi kepada BN. Pengalaman pemerintahan BN di Terengganu sejak tahun 1961 telah membentuk satu kepercayaan di kalangan pengundi tentang pembangunan yang dinikmati. Politik pembangunan telah mencorakkan budaya politik masyarakat Melayu di Terengganu. Pengundi menjadikan pembangunan fizikal yang dikecapi sebagai penentu utama dalam pemilihan parti dalam pilihan raya.

Namun begitu Joseph M. Fernando *et.al* (2011) dalam bukunya bertajuk “*Pilihan raya Umum Malaysia: Isu dan Pola Pengundian*” memberikan pandangan yang sebaliknya. Beliau menyatakan budaya politik masyarakat Melayu Terengganu berubah secara drastiknya apabila pengundi di Terengganu khususnya yang berhijrah ke negeri-negeri lain menentang UMNO dan BN dalam pilihan raya. Hal ini menjelaskan projek-projek mega dan pembangunan pesat di Lembah Kelang dan negeri-negeri lain di Pantai Barat tidak dapat mempengaruhi sokongan mereka dalam pilihan raya. Bagi pengundi kesejahteraan hidup bukan hanya berkisarkan kepada mengecapi nikmat pembangunan semata-mata daripada pemerintah tetapi pemerintah juga perlu menekankan aspek keadilan sosial yang lebih baik dan demokratik. Pilihan raya umum ke-12 pada tahun 2008 memberikan kejutan yang besar kepada hala tuju politik di Malaysia. Hal ini berikutan perubahan budaya politik pengundi khususnya generasi muda untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan politik semasa melalui media alternatif. Hujah tersebut selari sepertimana pandangan Mohammad Redzuan Othman *et.al* (2011) dalam bukunya bertajuk “*Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu*”. Beliau menyatakan generasi muda di Terengganu dilihat kurang berminat dan tertarik dengan agenda pembangunan yang dibawa oleh BN. Kehadiran pengundi generasi muda ke ceramah-ceramah anjuran BN amat kurang. Hal ini kerana pengundi muda lebih tertarik untuk mendapatkan maklumat dan pandangan alternatif terutamanya yang berkaitan dengan isu-isu tempatan dan isu bersifat nasional yang diketengahkan oleh penceramah daripada pakatan pembangkang. Generasi muda melihat penceramah daripada BN ketandusan idea dan sering

menggunakan isu pembangunan dalam usaha parti tersebut mendapatkan sokongan. Pengundi di Terengganu secara dasarnya tidak menolak pembangunan.

Namun begitu, pengulangan isu pembangunan yang dilakukan oleh BN menerusi ceramah dan media arus perdana secara berterusan dianggap sebagai keterlaluan. Pengundi di Terengganu melihat ceramah yang dianjurkan oleh BN lebih mengambil sikap bertahan dan memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang dilontarkan oleh pakatan pembangkang. Ceramah anjuran pakatan pembangkang lebih bersifat ofensif yang menuntut pelbagai penjelasan terhadap beberapa isu samada isu tempatan atau isu yang bersifat sejagat. Ceramah anjuran pakatan pembangkang lebih tertumpu kepada merangsang pemikiran pengundi untuk berfikir dan menilai rekod lampau BN di Terengganu. Isu-isu tempatan seperti royalti petroleum, pembinaan Masjid Kristal dan penganjuran Piala Monsun juga menarik minat pengundi di Terengganu berbanding isu nasional yang tiada perkaitan dengan kehidupan seharian pengundi. Budaya politik pengundi di Terengganu didapati banyak berlegar dengan isu-isu persekitaran mereka terutamanya isu yang melibatkan agama, sahsiah politik dan perkembangan ekonomi yang mampu memberikan kesan yang besar kepada kehidupan pengundi. Pengundi di Terengganu juga sangat teliti dalam membuat pemilihan perwakilannya dalam setiap kali pilihannya. Pilihan raya dimanfaatkan sepenuhnya dalam menentukan jatuh bangunnya sesebuah parti politik di Terengganu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan perolehan data dan maklumat melalui pengedaran borang soal selidik. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian A melibatkan demografi responden, soalan di bahagian B melibatkan budaya politik Melayu sebelum PRU ke-10 manakala soalan di bahagian C pula mengenai budaya politik Melayu pasca PRU ke-10. Borang soal selidik diedarkan di tujuh kawasan DUN yang terpilih iaitu DUN Bandar, Tepuh, Alor Limbat, Teluk Pasu, Paka, Rantau Abang dan Chukai menggunakan kaedah rawak bertujuan. Hal ini kerana keputusan pilihan raya pasca PRU ke-10 menunjukkan bahawa UMNO dan PAS secara seimbang berjaya menguasai DUN tersebut. Berbeza dengan kawasan DUN lain yang memperlihatkan pengundi mengidentifikasikan pilihan politiknya kepada parti-parti yang tertentu. Berdasarkan analisis keputusan pilihan raya di Terengganu, UMNO-BN dominan di 18 kawasan DUN, manakala PAS pula hanya dominan di 7 kawasan DUN. Sementara baki 7 kawasan DUN memperlihatkan persaingan yang seimbang antara UMNO-BN dan PAS.

Jadual 1: Penentu Saiz Sampel

| Populasi | Sampel |
|-----------|--------|
| 20,000 | 377 |
| 50,000 | 381 |
| 100,000 | 383 |
| 1,000,000 | 384 |

Sumber: Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K., (2001). *Research Method in Education* (5th edition). London: Routledge Falmer.

Populasi kajian ini adalah seramai 634944 orang, maka sampel yang dipilih berdasarkan jadual Penentu Saiz Sampel Cohen, Manion dan Morrison (2001) adalah 384 dengan mengambilkira populasi yang paling hampir atau yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun daripada jumlah tersebut hanya 322 orang responden sahaja telah memberikan maklumbalas. Kajian ini menggunakan kaedah Persampelan Kawasan Pelbagai Lapisan (PKLP). Kaedah ini sesuai dilakukan bagi kawasan yang luas dan penyelidik tidak mempunyai senarai nama bagi setiap subjek dalam populasi (Chua Yan Piaw, 2006). Kaedah ini sesuai dilakukan bagi populasi kajian yang mempunyai subjek-subjek kajian yang bersifat homogenus. Dalam PKLP, semua kawasan yang merangkumi populasi dibahagikan kepada kawasan-kawasan kecil dan setiap unit sampel berkaitan dengan satu kawasan kecil sahaja. Setiap unit sampel bukan lagi unsur daripada populasi tetapi kelompok unsur daripada persampelan kawasan (Rohana Yusof, 2004). Saiz dalam setiap sub sampel ditentukan berdasarkan perkadaran dalam setiap sub populasi.

Jadual 2: Saiz Sub Sampel


| DUN | Jumlah Pengundi Berdaftar Pada PRU Ke-13 | Sub Sampel |
|---------------------|------------------------------------------|------------|
| N9. Tepuh | 25162 | 59 |
| N10. Teluk Pasu | 20121 | 47 |
| N14. Bandar | 20390 | 48 |
| N17. Alor Limbat | 23983 | 56 |
| N26. Rantau Abang | 20618 | 49 |
| N28. Paka | 26464 | 62 |
| N31. Chukai | 26715 | 63 |
| Jumlah Sub Populasi | 163453 | 384 |

Keputusan & Perbincangan


Pendekatan Teori Pilihan Rasional Dalam Budaya Politik Sebelum PRU Ke-10.

Keputusan pilihan raya tahun 1959 menyaksikan PAS telah berjaya memenangi 13 daripada 24 kerusi DUN yang dipertandingkan di Terengganu. Bagaimanapun kemelut politik dalaman yang melanda kerajaan PAS Terengganu memberikan laluan mudah kepada UMNO untuk mengambilalih tampuk pemerintahan Terengganu pada tahun 1961. Sepanjang tempoh penguasaan PAS di Terengganu, parti tersebut hanya berjaya menyiapkan

beberapa jalanraya dengan jarak yang begitu pendek. Jika dibandingkan dengan pentadbiran PAS di Terengganu, UMNO lebih banyak memberikan tumpuan kepada pembinaan kemudahan awam di setiap kampung dan mukim. Projek pembangunan yang dilancarkan adalah bagi menawan hati pengundi Terengganu dalam pilihan raya. Pilihan Raya Umum tahun 1964 di Terengganu berlangsung dalam suasana pengundi berada dalam keadaan yang cukup selesa di bawah kepimpinan UMNO. Isu berkaitan pembangunan sosioekonomi digunakan oleh UMNO untuk menarik sokongan pengundi khususnya di luar bandar. Tema pembangunan untuk rakyat dengan bantuan jentera daripada Kerajaan Pesekutuan menarik minat rakyat untuk memberikan sokongan kepada UMNO berbanding PAS yang dilihat hanya bersifat retorik serta tidak melakukan banyak jasa kepada rakyat Terengganu (Hamdan, 2015). Hujah tersebut selari dengan hasil dapatan kajian seperti di bawah:

Rajah 1: Bantuan Daripada Kerajaan Harus Dibalas Dengan Memberikan Sokongan Dalam Pilihan Raya.


Hal ini dapat dilihat apabila 135 responden bersetuju bahawa bantuan daripada kerajaan harus dibalas dengan memberikan sokongan dalam pilihan raya. Sementara itu, 130 responden menyatakan tidak bersetuju dan 57 responden pula menyatakan tidak pasti. Ternyata elemen tradisonalisme yang diwarisi daripada budaya politik Melayu feudal seperti taatsetia dan keperluan untuk membalas budi masih dipertahankan. Keperluan untuk membalas budi merupakan satu tingkahlaku bagi menyatakan terima kasih pihak yang dinaung kepada penaung.. Dapatan ini diperkukuhkan lagi sepertimana pernyataan berikut:

Rajah 2: Parti Yang Banyak Menabur Jasa Wajar Disokong

Sebanyak 207 responden menyatakan bersetuju bahawa parti yang banyak menabur jasa wajar disokong. Jumlah tersebut sangat tinggi jika dibandingkan dengan bilangan responden yang menyatakan tidak bersetuju iaitu sebanyak 69 responden manakala 46 responden menyatakan tidak pasti. Kesungguhan dan keprihatinan kerajaan Terengganu dalam membawa pelbagai projek pembangunan infrastruktur asas kepada penduduk sangat telerlah pada tahun 1963 sehingga menjelang pilihan raya tahun 1964. Pada tahun 1962 sahaja peruntukan sebanyak RM 2.5 juta telah diberikan bagi membangunkan pembinaan sekolah baru. Selain itu tumpuan juga turut diberikan oleh kerajaan Terengganu untuk membangunkan pelbagai kemudahan awam di setiap kampung dan mukim seperti balai raya, masjid, surau, klinik, perigi dan sebagainya. Sebahagian besar peruntukan untuk tujuan pembangunan pada tahun 1962 adalah diterima daripada kerajaan pusat (Azmah, 2013). Tindakan Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan yang besar adalah bagi memastikan rakyat Terengganu sedar akan kesungguhan Kerajaan Perikatan dalam mengubah taraf hidup dan kebajikan rakyat Terengganu. Rekod cemerlang kerajaan membangunkan ekonomi negeri Terengganu mendapat sokongan yang begitu baik daripada pengundi.

Perkara tersebut bertepatan dengan teori pilihan rasional yang dibahasakan oleh Barry (1970). Beliau berpandangan bahawa aspek pilihan mempunyai perkaitan secara langsung dengan ekonomi. Seseorang akan bertindak memilih parti yang akan membentuk kerajaan berdasarkan kepada penilaian yang dibuat terhadap kemampuan sesebuah parti tersebut dalam membawa dan meneruskan agenda pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup. Rakyat akan terus menyokong kerajaan berdasarkan manfaat dan faedah yang diterima. Justeru itu, rasionaliti seseorang dalam membuat pilihan politik berhubungan secara positif dengan pembangunan ekonomi. Hal tersebut disokong sepertimana pernyataan di bawah:

Rajah 3: Rekod Cemerlang Kerajaan Membangunkan Ekonomi Negeri Wajar Disokong




Sebanyak 272 responden bersetuju bahawa kesungguhan kerajaan membawa agenda pembangunan wajar disokong. Selain itu 20 responden pula tidak

bersetuju manakala 30 responden menyatakan tidak pasti. Ternyata usaha kerajaan Perikatan untuk mendapatkan sokongan rakyat Terengganu dengan program pembangunannya berjaya apabila menang besar dalam pilihan raya dengan memperolehi 21 daripada 24 jumlah kerusi DUN yang dipertandingkan berbanding tiga yang dimenangi PAS selain turut berjaya menawan lima daripada enam kerusi parlimen. Parti-parti lain tidak memenangi sebarang kerusi DUN atau Parlimen dalam pilihan raya tahun 1964 di Terengganu (Azmah, 2013). Rekod pembangunan dan manfaat ekonomi yang baik dinikmati oleh rakyat dalam tahun 1962 mendorong pengundi untuk terus menyokong kerajaan dalam PRU tahun 1964. Menurut Budge (1983), pendekatan pilihan rasional adalah hasil daripada tindakbalas dan persepsi rakyat terhadap kerajaan yang memerintah. Keadaan ini menunjukkan bahawa pilihan adalah berkait secara langsung dengan faktor ekonomi dan keinginan untuk mengecapi kesejahteraan dalam kehidupan.

Sementara itu, budaya politik Melayu dekad 70-an juga dilihat lebih tertumpu kepada aspek pembangunan ekonomi Melayu. Hal ini dapat dibuktikan apabila PAS sebagai sebuah parti yang memperjuangkan ideologi Islam dan Melayu telah kehilangan sokongan yang begitu mendadak daripada orang Melayu. Keputusan pilihan raya tahun 1978 merupakan pencapaian terburuk PAS dalam politik negara apabila ditolak oleh orang Melayu hampir secara total termasuklah di Kelantan dan Terengganu yang merupakan negeri yang didominasi oleh orang Melayu. Kegagalan PAS memenangi sebarang kerusi juga adalah disebabkan oleh gerak kerja UMNO yang dilihat lebih tersusun dalam membawa agenda pembangunan. Pembangunan bandar baru seperti KETENGAH serta kemajuan pembangunan fizikal di luar bandar menjadikan pengaruh PAS kembali mengendur. Sejarah pentadbiran UMNO di Terengganu yang banyak membawa agenda pembangunan lebih dititikberatkan oleh masyarakat Melayu berbanding isu agama semata-mata sepertimana pernyataan berikut:

Rajah 4: Tahap Pembangunan Negeri Terengganu Yang Rendah Menjadikan Rakyat Bergantung Kepada Pemerintah




Hasil kajian menunjukkan seramai 168 responden bersetuju bahawa tahap pembangunan negeri Terengganu yang rendah menjadikan rakyat bergantung kepada pemerintah. Peratusan responden yang tidak bersetuju pula ialah sebanyak 20 responden manakala 30

responden pula menyatakan tidak pasti. Pembangunan negeri yang perlahan menjadikan masyarakat Melayu mengekalkan staus quonya kepada UMNO sebagai penaung untuk membawa kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan sosioekonominya. Perkara tersebut selari dengan hujah yang diberikan oleh Colomer (1991). Beliau berpandangan bahawa rasionaliti pengundi sangat dipengaruhi oleh insentif-insentif yang diberikan oleh kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup dan kebajikan masyarakat. Dalam hal ini, pengundi akan menilai dan membuat pilihan yang rasional dengan memilih parti yang mampu memberikan keuntungan kepada mereka khususnya yang berkaitan dengan aspek ekonomi, pembangunan dan kesejahteraan hidup.

Kehangatan politik di Terengganu berterusan dalam pilihan raya tahun 1986. Walaupun ledakan budaya tarbiah rancak berkembang, namun sifat dan pemikiran masyarakat Melayu khususnya di pedalaman yang masih kurang dimeriahkan dengan majlis keilmuan menjadikan isu perpaduan ummah lebih mendapat perhatian sekaligus meminggirkan pengaruh PAS di kawasan pedalaman. Kekalahan teruk PAS dalam pilihan raya tahun 1986 juga dikatakan berpunca daripada manipulasi media yang dikuasai UMNO yang menjadikan isu Parti Allah sebagai modal kempen. Budaya masyarakat Melayu Terengganu yang masih bersifat konservatif dengan tahap pendidikan yang minima menjadikan pendekatan kempen yang bersifat *simple logic* dan pendekatan *for immediate consumption* yang dilakukan UMNO lebih mudah diterima dan praktikal dalam menarik sokongan rakyat. Budaya pengundi yang bersifat konservatif telah memainkan peranan yang penting dalam menjamin kemenangan UMNO dalam pilihan raya tahun 1986 di Terengganu. Ianya selari dengan hasil kajian seperti di bawah:

Rajah 5: Menukar Kerajaan Merupakan Suatu Tindakan Yang Tidak Wajar Dilakukan




Masyarakat Melayu Terengganu menolak sebarang bentuk perubahan yang bertentangan dengan keadaan kebiasaannya sebaliknya lebih mementingkan kepada aspek kestabilan. Justeru menukar pemerintah dilihat sebagai sesuatu yang menjejaskan kestabilan serta membantutkan usaha pembangunan ekonomi negeri. Hal tersebut turut selari dengan hasil kajian apabila seramai 156 responden bersetuju bahawa menukar kerajaan merupakan suatu tindakan yang tidak wajar dilakukan.

Manakala 82 responden menyatakan tidak bersetuju dan 84 responden pula menyatakan tidak pasti. Ini menjelaskan bahawa masyarakat Melayu lebih selesa dengan cara hidup tradisonal tetapi tidak menolak pemodenan yang di bawa oleh UMNO. Keadaan ini menjadikan hagemoni UMNO terus mengukuh di Terengganu. Hal ini selari dengan hujah yang diberikan oleh Dorussen & Taylor (2002). Beliau menjelaskan bahawa pilihan pengundi banyak dipengaruhi oleh kejayaan polisi ekonomi kerajaan. Pengundi akan membuat pilihan secara rasional berdasarkan manfaat dan faedah ekonomi yang diperolehi berdasarkan rekod-rekod pencapaian terdahulu yang telah ditunaikan oleh kerajaan.

Setelah mengalami kemerosotan dalam pilihan raya tahun 1986, PAS mula memperlihatkan kebangkitannya. Kebangkitan PAS dapat dilihat menerusi pilihan raya yang diadakan pada tahun 1990. Pilihan raya tahun 1990 merupakan pilihan raya pertama dalam dekad 1990-an. Dalam pilihan raya ini, PAS telah membentuk satu kerjasama politik dengan beberapa parti serpihan daripada UMNO dan PAS seperti Parti Melayu Semangat 46, Berjasa, HAMIM yang dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Kebanyakan kerusi yang dimenangi APU dalam pilihan raya tahun 1990 di Terengganu adalah di kawasan-kawasan bandar seperti Kuala Terengganu, Marang, Jertih, Wakaf Mempelam dan Jabi. Hal ini kerana budaya politik masyarakat Melayu di bandar lebih terbuka dan peka terhadap isu-isu semasa yang tercetus dalam persekitaran samada di peringkat tempatan ataupun nasional. Masyarakat Melayu di bandar juga lebih sensitif dengan isu penyelewengan dan ketidakadilan yang berlaku. Selain itu kewujudan banyak kawasan perumahan juga telah mengurangkan pengaruh terhadap UMNO bilamana kebanyakan kemudahan asas yang diterima terpaksa dibayar oleh penduduk. Hal ini menyebabkan kebergantungan penduduk bandar kepada UMNO menjadi semakin berkurang. Namun begitu, fenomena ini tidak berlaku di kawasan-kawasan kampung atau luar bandar yang memperlihatkan kebergantungan yang begitu tinggi kepada UMNO untuk membawa pembangunan. Masyarakat Melayu di pedalaman beranggapan bahawa hanya UMNO sahaja parti yang mampu menyediakan segala kemudahan asas. Justeru itu, isu pembangunan sering mendapat tempat di hati pengundi luar bandar di Terengganu setiap kali menjelang pilihan raya.

Rajah 6: Hanya BN Mampu Menjamin Masa Depan




Seramai 149 responden bersetuju bahawa hanya BN sahaja yang mampu menjamin masa depan mereka. Sementara itu 109 responden pula menyatakan tidak bersetuju dan hanya 64 responden pula menyatakan tidak pasti. Pilihan raya tahun 1995 merupakan pilihan raya terakhir dalam dekad 1990-an sebelum meletusnya reformasi politik di Malaysia. Dalam pilihan raya tahun 1995, prestasi parti oposisi khususnya PAS di Terengganu kembali mengundur ke belakang berbanding keputusan pilihan raya tahun 1990. Kegagalan pembangkang iaitu PAS dan Parti Melayu Semangat 46 dalam pilihan raya tahun 1995 juga disebabkan manifestonya yang kurang jelas berbanding pendekatan dilakukan oleh parti UMNO yang lebih realistik dengan mempertaruhkan persoalan berkaitan dengan kehidupan rakyat iaitu pembangunan berteraskan insan dan bercorak ekonomi.

Menurut Francis (1976), pertimbangan-pertimbangan ekonomi yang realistik memberikan implikasi yang positif terhadap pilihan politik pengundi. Hal ini menjelaskan tentang konsep pilihan rasional dalam politik dan pilihan raya. Pengundi akan memberikan sokongan kepada parti berdasarkan faedah atau keuntungan yang bakal dinikmati serta memilih parti yang dirasakan mampu memenuhi hasrat mereka. Hal ini dapat dilihat menerusi projek perumahan rakyat di KETENGAH yang telah berjaya disiapkan, Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) serta projek tanaman Rosselle yang turut dijalankan oleh kerajaan negeri melibatkan 67 orang peserta. Justeru itu, rakyat Terengganu melihat usaha meningkatkan taraf kehidupan rakyat adalah lebih utama berbanding manifesto pembangkang iaitu Projek 3T (Tahun Tawan Terengganu) yang lebih tertumpu kepada usaha untuk mendapatkan kuasa politik (Hamdan Aziz, 2015).

Pendekatan Teori Pilihan Rasional Dalam Budaya Politik Pasca PRU Ke-10.


Dari segi psikologi, budaya politik pengundi Melayu Terengganu pada PRU ke-10 dilihat lebih fleksibel, terbuka dan telah berubah angin dan citarasa apabila pengundi di negeri tersebut menolak UMNO-BN hampir secara total meskipun negeri-negeri lain belum lagi bersedia untuk melakukan perubahan politik pada ketika itu. Kenyataan tersebut selari dengan hasil kajian di bawah:

Rajah 7: Menukar Kerajaan Adalah Suatu Tindakan Tidak Wajar



Berdasarkan dapatan tersebut, 156 responden menyatakan tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa menukar kerajaan adalah suatu tindakan yang tidak wajar. Sementara itu 74 responden menyatakan tidak pasti. Hanya 92 responden sahaja yang bersetuju bahawa menukar kerajaan adalah sesuatu yang tidak wajar. Persoalan yang sering diulang-ulang oleh UMNO-BN dalam kebanyakan kempen pilihan raya seperti Melayu akan kehilangan kuasa sekiranya UMNO-BN kalah juga turut ditolak oleh masyarakat Melayu Terengganu. Ini menunjukkan bahawa kekuatan politik Melayu di negeri tersebut memberikan kebebasan kepada pengundi untuk menukar kerajaan sepertimana hasil kajian di bawah:

Rajah 8: Kekuatan Politik Melayu Di Terengganu Memberikan Kebebasan Kepada Pengundi Untuk Menukar Kerajaan




Persaingan politik di Terengganu hanya melibatkan Melayu menentang Melayu. Pengundi di Terengganu khususnya Melayu telah sekian lama memberikan sokongan kepada UMNO-BN dan PAS sebagai parti dominan yang mewakili kaum Melayu di negeri berkenaan. Justeru itu, masyarakat Melayu Terengganu melihat perpaduan, kestabilan dan keamanan negeri Terengganu tidak akan terjejas dengan pertukaran kerajaan di negeri tersebut. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa seramai 206 responden bersetuju dengan kenyataan tersebut sementara 32 responden tidak bersetuju manakala 84 responden pula menyatakan tidak pasti.

Walau bagaimanapun, pemerintahan PAS selama empat tahun bermula pada tahun 1999 sehingga 2004 gagal dipertahankan meskipun PAS berusaha membawa pembangunan dan menjaga kebajikan rakyat menerusi pembahagian tanah, menghapuskan tol serta berusaha melaksanakan pemerintahan Islam di Terengganu. Bagaimanapun disebabkan oleh beberapa sekatan dan halangan dari segi ekonomi dan politik, pengundi Terengganu melihat PAS sebagai gagal membawa pembangunan ke negeri tersebut (Junaidi & Mazlan, 2016). Selain daripada kegagalan PAS membawa pembangunan sewajarnya ke Terengganu, pengundi juga melihat PAS sebagai parti yang eksklusif dan tidak terbuka dan dinilai sebagai tidak mampu menarik pengundi. PAS Terengganu juga tidak konsisten berdasarkan sikap, pendekatan dan strategi politiknya yang dikatakan sebagai tidak mesra Pakatan Rakyat. Strategi tersebut telah menyimpang daripada strategi yang diambil oleh PAS di

negeri lain di seluruh negara. Memasuki era tahun 2000, momentum perubahan politik yang dicetus pada tahun 1999 sedikit menurun apabila gabungan parti pembangkang yang membentuk Barisan Alternatif (BA) berpecah berikutan perbezaan ideologi perjuangan yang membawa kepada penarikan DAP daripada gabungan BA. Hal tersebut ternyata menyuntik kembali kekuatan BN. UMNO-BN tidak menghadapi persaingan sengit dalam PRU ke-11 yang diadakan pada tahun 2004 apabila menang dengan majoriti yang sangat besar di bawah kepimpinan Perdana Menteri baharu iaitu Abdullah Ahmad Badawi. PRU tahun 2004 telah memberikan satu keputusan yang sama sekali bertentangan dengan keputusan PRU tahun 1999. Selepas tewas di Terengganu dalam PRU ke-10, UMNO-BN menggandakan pelbagai usaha dengan memberikan penekanan kepada aspek pembangunan. Tawaran pembangunan dan perubahan oleh UMNO ternyata berjaya memenangi pemikiran orang Melayu dengan janji-janji pembangunan luar biasa yang ingin dibawa ke Terengganu yang disulami dengan visi baru Islam menggantikan dasar PAS. Terengganu telah dijadikan lokasi peluncuran konsep Islam Hadhari. Dalam arena politik tempatan, Islam Hadhari bertujuan mencabar konsep Islam dibawa oleh PAS yang berulang kali mahu menegakkan negara Islam. Islam Hadhari dijadikan sumber bagi mewakili pandangan Islam dan juga menyediakan alternatif yang teruji kepada umat Islam dan juga bukan Islam. UMNO telah membentuk tempat rujukan Islam Hadhari dan hal ehwal kebajikan di peringkat negeri dengan moto “*Islam Hadhari Terengganu Bestari*” bagi menyaingi moto “*Membangun Bersama Islam*” yang digunakan oleh PAS sebelumnya.


Pelaburan besar disalurkan ke negeri tersebut untuk memperkuat sokongan dan penguasaan UMNO-BN. Sebagai tambahan kepada itu, sebuah taman tema berkonsepkan Islam turut dibina di Kuala Terengganu yang dikenali sebagai Taman Tamadun Islam bertujuan untuk menunjukkan pencapaian ketamadunan Islam dengan membina pelbagai model masjid mini yang terdapat di seluruh dunia. Selain itu Tadika Islam al-Hadhari turut dibina bertujuan untuk mendidik kanak-kanak mengenai konsep Islam Hadhari (Welsh, B. & Chin, J., 2014). Ternyata janji-janji kerajaan untuk membawa pembangunan yang luar biasa ke Terengganu seperti yang dilaungkan oleh Abdullah Ahmad Badawi berjaya meraih sokongan yang begitu menakjubkan sehingga menterbalikkan keputusan PRU tahun 1999.

Rajah 9: Pembangunan Wajar Diutamakan Selain Isu Agama




Berdasarkan dapatan tersebut sebanyak 274 responden bersetuju dengan kenyataan bahawa isu pembangunan lebih wajar diutamakan selain daripada isu agama. Selain itu 19 responden pula menyatakan tidak pasti dan 25 responden lagi menyatakan tidak bersetuju. Dapatan di atas turut disokong oleh dapatan lain yang menyatakan bahawa wajar menyokong kerajaan untuk menikmati pembangunan sepertimana pernyataan di bawah:

Rajah 10: Wajar Menyokong Kerajaan Untuk Menikmati Pembangunan



Sebanyak 211 responden bersetuju manakala 47 responden menyatakan tidak bersetuju. Sementara itu 64 responden pula menyatakan tidak pasti. Kemenangan besar UMNO-BN di Terengganu dalam PRU tahun 2004 sememangnya telah dijangkakan kerana sambutan pelbagai peringkat masyarakat termasuk pengundi muda kepada UMNO-BN. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu masih memerlukan pembangunan seperti dapatan di bawah:

Rajah 11: Pembangunan Ekonomi Negeri Harus Diberikan Keutamaan



Selain itu juga, sebanyak 292 responden bersetuju bahawa pembangunan ekonomi negeri harus diutamakan. Bilangan ini nyata jauh lebih tinggi daripada bilangan responden yang tidak bersetuju dan tidak pasti apabila masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak 10 responden dan 20 responden sahaja. Kemenangan UMNO-BN juga berlaku di Parlimen Marang yang merupakan kubu tradisi PAS. Kerajaan Terengganu juga telah menaik taraf Institusi Pendidikan Tinggi milik kerajaan negeri iaitu *Terengganu Advance Technical Institute* (TATI) kepada Kolej Universiti. Selain itu beberapa projek pendidikan seperti Projek Perdana Sekolah Elit dan Premier serta pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) dari Jabor ke Gemuruh telah menguatkan lagi keyakinan pengundi terhadap UMNO-

BN. Kerajaan Terengganu juga turut melakukan pembesaran serta menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud serta mendirikan Kompleks Sukan di Gong Badak (Hamdan Aziz, 2015). Jelas sekali projek pembangunan tersebut telah menenggelamkan manifesto bersifat retorik agama yang dibawa PAS. Selain itu, pemerhati dan penyelidik politik seperti Ratnam dan Kessler (1978) turut memberikan hujah bahawa politik pembangunan dan agama memainkan banyak peranan ke atas pembentukan budaya politik Melayu di Terengganu. Sebagai sebuah negeri yang secara keseluruhannya mempunyai pengundi Melayu, Terengganu juga telah ditakrifkan sebagai salah sebuah negeri yang termundur jika dibandingkan dengan negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Terengganu juga mempunyai tradisi pengajian Islam yang kuat melalui sistem pengajian pondoknya yang masih lagi terdapat sehingga ke hari ini. Rakyat Terengganu juga melihat diri mereka sebagai satu golongan yang harus dibela secara keseluruhan.


Meskipun UMNO-BN berjaya mengekalkan kuasa di Terengganu dalam PRU tahun 2008 namun sokongan pengundi Melayu terhadap parti tersebut telah berubah. Jumlah kerusi yang dimenangi UMNO-BN semakin menurun daripada 28 kerusi DUN pada PRU tahun 2004 kepada 24 kerusi DUN pada PRU tahun 2008. Peristiwa ini berhubungkait dengan protes daripada wakil-wakil rakyat yang digugurkan dalam PRU ke-12. Golongan yang tidak berpuas hati dengan Idris Jusoh sudah lama memendam rasa terhadap gaya kepimpinannya sebelum PRU ke-12. Antara isu yang tidak dipersetujui oleh rakyat ialah projek Taman Tamadun Islam, isu Kolej KUSZA yang diserahkan kepada kerajaan pusat untuk digabungkan dengan Universiti Darul Iman (UDM) serta isu Menteri Besar yang mementingkan kroni dan keluarga beliau dalam soal pembahagian projek-projek pembangunan. Selain itu isu royalti petroleum yang dikatakan ada beberapa peratus lagi tidak sampai kepada kerajaan Terengganu turut sampai ke pengetahuan pihak istana. Isu-isu tersebut dilihat sebagai satu bentuk penderhakaan oleh Idris Jusoh kepada rakyat Terengganu (Ahmad Atory Hussain, 2009). Perkara yang sama turut disokong oleh Welsh. B., & Chin. U.J., (2014) dengan menyatakan bahawa imej Islam yang dibawa oleh Abdullah Ahmad Badawi dalam pentadbirannya mula menyusut melalui isu-isu seperti rasuah dan laporan kronisme antara Abdullah Ahmad Badawi dan menantunya Khairy Jamaluddin serta monopoli Patrick Lim dalam semua projek di Terengganu dengan menggunakan wang ehsan untuk mendapat sokongan telah menaikkan kemarahan pengundi di Terengganu.

Selain itu, rakyat Terengganu yang telah lama menunggu siapnya Lebuhraya Pantai Timur (LPT 2) bagi menikmati keselesaan turut terlibat dengan pelbagai masalah. Projek ini menelan belanja sebanyak RM3.7

billion bermula dari Jabor sehingga ke Kampung Gemuruh. Projek ini juga menghadapi beberapa kelewatan sehingga membawa kepada peningkatan kos pembinaannya. Kerajaan terpaksa menanggung kos dengan membelanjakan lebih RM500 juta lagi bagi menyiapkan projek LPT 2 yang tertangguh. Kos pembinaan LPT 2 ini juga dikatakan menggunakan wang royalti petroleum rakyat Terengganu yang sepatutnya dibayar kembali oleh Kerajaan Persekutuan yang mana 50 peratus daripadanya dibiayai menggunakan wang royalti petroleum negeri Terengganu. Selain daripada projek pembinaan LPT 2, projek pembesaran dan menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) serta projek Bebas Cukai di Tasik Kenyir yang bernilai lebih RM100 juta turut ditanggung oleh kerajaan negeri Terengganu (Syed Azman, 2013).

Selain itu, menurut Mohammad Redzuan, Amer Saifude & Zulkanain (2011) tindakan UMNO-BN yang sering menggunakan peruntukan pembangunan semasa PRU sudah tidak lagi memberi kesan kepada pengundi. Hal ini kerana, pengundi sudah mengetahui taktik tersebut yang sering digunakan oleh parti pemerintah setiap kali PRU diadakan. Pembangunan yang dibuat oleh UMNO-BN di Terengganu seperti pembinaan Masjid Kristal, dan penganjuran kejohanan perahu layar antarabangsa Piala Monsun sebenarnya tidak disukai oleh kebanyakan rakyat Terengganu. Projek tersebut dianggap sebagai suatu bentuk pembaziran kerana tidak memberikan impak positif kepada kehidupan seharian rakyat Terengganu. Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) tahun 2009 Parlimen Kuala Terengganu, PAS banyak menggunakan isu tempatan seperti isu wang royalti, pembinaan Taman Tamadun Islam dan penganjuran Piala Monsun. Ternyata isu tersebut lebih dekat dengan hati pengundi. Analisis di atas turut diperkukuhkan lagi menerusi data yang diperolehi melalui pengedaran soal selidik. Hasil analisis tersebut menunjukkan bahawa:

Rajah 12: Keadilan Lebih Penting Berbanding Pembangunan



Sebanyak 245 responden bersetuju bahawa keadilan adalah lebih penting berbanding mengecapi nikmat pembangunan semata-mata. Hanya 26 responden sahaja menyatakan tidak bersetuju manakala yang menyatakan tidak pasti pula adalah sebanyak 51 responden. Hasil dapatan di atas membuktikan bahawa politik pembangunan masih lagi relevan dalam politik di

Terengganu. Bagaimanapun praktik politik pembangunan tidak lagi boleh disamakan dengan praktik politik pembangunan yang dilakukan sebelum PRU ke-10. Pembangunan yang tidak membawa pulangan atau manfaat kepada rakyat akan berakhir dengan penolakan undi daripada rakyat. Pembangunan atau perubahan yang ingin dibawa mestilah munasabah dengan siapa dan apa yang ditawarkan serta manfaat yang akan diperolehi.

Selain itu, keputusan PRU ke-13 di Terengganu menyaksikan UMNO-BN sekali lagi hampir tewas di Terengganu setelah gagal mendapat majoriti dua pertiga di DUN. Dalam PRU ke-13 jentera PAS Terengganu lebih bergerak di peringkat tempatan berbanding usaha PAS Pusat untuk melebarkan kemenangannya secara berskala besar. Namun begitu, keputusan PRU ke-13 menunjukkan bahawa pengundi Melayu Terengganu masih bersama PR. Meskipun PAS Terengganu dilihat tidak begitu mesra kepada PR dan sering mengambil pendekatan yang menyimpang daripada strategi yang diambil oleh PAS di negeri lain di seluruh negara, namun hakikatnya hampir semua faktor yang menjurus kepada transformasi politik di seluruh negara turut terserlah dan wujud di Terengganu khususnya fenomena kebangkitan anak muda dan penguasaan media baru oleh masyarakat Melayu di Terengganu (Junaidi & Mazlan Ali, 2016). Politik di Terengganu tidak lagi memperlihatkan penguasaan UMNO-BN secara total. Pada PRU ke-13, UMNO-BN sekali lagi hampir tewas apabila sekadar meraih 17 daripada 32 kerusi DUN yang dipertandingkan sekaligus hilang majoriti dua pertiga kerusi buat kali kedua dalam tempoh yang begitu singkat melibatkan empat PRU yang terakhir. Meskipun UMNO-BN masih kekal menerajui kerajaan dan pentadbiran di Terengganu, namun sokongan yang ditunjukkan oleh pengundi khususnya orang Melayu terhadap parti tersebut semakin longgar. Meskipun pembangunan ekonomi negeri Terengganu masih berada di tahap yang rendah, namun demokrasinya dilihat begitu subur. Mengikut pendekatan teori pilihan rasional menurut Ghazali Mayudin (2008), demokrasi di Malaysia dilihat selari dengan tahap pembangunan ekonominya. Bagaimanapun proses pembandaran dan pemodenan akan mengubah jangkaan masyarakat. Proses pemodenan menuntut kepada peningkatan taraf hidup yang lebih baik. Namun begitu, sekiranya jangkaan tersebut tidak ditunaikan maka ianya boleh bertukar menjadi peningkatan kekecewaan.

Kesimpulan

Dalam membuat penilaian politik, masyarakat Melayu Terengganu dilihat lebih rasional. Pertimbangan tentang apa yang ditawarkan dan siapa yang menawarkan serta adakah tawaran tersebut sesuai dengan kepentingannya lebih dititikberatkan. Menurut Joe Oppenheimer (2012), pendekatan pilihan rasional pengundi juga dapat dilihat apabila projek pembangunan yang dilakukan sebelum berlangsungnya pilihan raya tetapi dilihat menjejaskan

kesejahteraan hidup rakyat serta tidak memberikan impak atau manfaat ekonomi sangat mempengaruhi pilihan politik pengundi untuk bertindak menyokong parti oposisi. Tindakbalas yang negatif kepada kerajaan menunjukkan bahawa rakyat lebih mementingkan faedah dan hasil. Janji-janji pembangunan dan manfaat ekonomi yang diulang siar semasa kempen pilihan raya oleh kerajaan dilihat sebagai sesuatu yang rasional sebelum berlangsungnya pilihan raya. Namun apabila impak yang sebaliknya berlaku selepas pilihan raya, maka pengundi akan bertindak untuk memberikan tindakbalas yang negatif kepada kerajaan dalam pilihan raya berikutnya. Projek-projek pembangunan yang bersifat ikonik seperti Pembangunan Taman Tamadun Islam dan Penganjuran Piala Monsun tidak diterima oleh kebanyakan masyarakat Melayu di Terengganu kerana manfaatnya dari segi ekonomi kepada rakyat tempatan sangat minima. Justeru itu, kesetiaan kepada kerajaan tidak lagi diberikan secara semberono tanpa banyak soal tetapi setiap tindakan yang dilakukan oleh kerajaan memerlukan penjelasan yang konkrit dan munasabah.

Rujukan

- Afif Pasuni, 2014. *The Tussle in Terengganu: Islamisation, Shared Languages, and Blurred Identities*. Dlm. Mohamed Nawab Osman (pnyt). *The 13th Malaysia Elections: Issues, Trend and Future Trajectories*. Singapore: S Rajaratnam School of International Studies.
- Ahmad Atory Hussain, 2009. *Politik Melayu Di Persimpangan: Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Amer Saifude Ghazali, 2011. *Latar Belakang Kawasan Pilihan Raya*. Dlm. Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali & Zulkarnain Abdul Rahman (pnyt). *Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azmah Abdul Manaf, 2013. *Perkembangan Politik Dan Kesannya Ke Atas Pembangunan Ekonomi Terengganu, Antara Tahun 1955 Hingga 1969*. Universiti Kebangsaan Malaysia: *JEBAT*, Vol. 40 (1), hal. 133-154.
- Barry, B., 1970. *Sociologist, Economists and Democracy*. London: The McMillan Company.
- Budge, I., 1983. *What is a Rational Choice? Shifts of Meaning Within Explanations of Voting and Party Competition*. *Electoral Studies an International Journal*, Vol. 2 (1), hal. 23-38.

- Che Hamdan, 2008. *Budaya Politik Dalam Pilihan raya Umum Ke-12: Kajian Kes Parlimen Dungun*. Shah Alam: UPENA idikan. Malaysia: Macgraw-Hill Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw, 2006. Kaedah Dan Statistik Penyelidikan. Malaysia: Macgraw-Hill Sdn.Bhd.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison., K., 2001. *Research Method in Education* (5th edition). London: Routledge Falmer.
- Colomer, J.M., 1991. Benefits and Cost of Voting: *Electoral Studies an International Journal*, Vol.10 (4), hal, 313-325.
- Dorussen, H & Taylor, M., 2002. *Economic Voting*. London: Routledge.
- Downs, 1957. *An Aeconomic Theory of Democracy*. New York: Harper and Row.
- Francis, A. H., 1976. Rational Choice and Social Exchange: A Critique of Exchange Theory: *American Political Science Review*, hal. 212.
- Ghazali Mayudin, 1999. *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya Dalam Konteks Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Hamdan Aziz, 2015. *Pilihan Raya Umum Terengganu 1955-2013*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Joe Oppenheimer, 2012. *Principles of Politics: A Rational Choice Theory Guide to Politics and Social Justice*. University of Maryland: Cambridge University Press.
- Joseph M. Fernando, 2011. *Pilihan raya Umum Malaysia: Isu dan Pola Pengundian*. Universiti Malaya Press.
- Junaidi & Mazlan Ali, 2016. Kebangkitan Pas Di Terengganu. Dlm. Muhamad Takiyuddin & Sity Daud (pnyt). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman, 2011. *Pilihan raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu 2009*. Universiti Malaya.
- Rohana Yusof, 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Azman, 2013. *Isu-Isu Politik, Ekonomi & Kepimpinan: Terengganu Darul Runtuh*. Kuala Lumpur: Harakah.
- Wan Rohila Ganti, 2008. *Pilihan raya Umum ke-12: Suatu Kajian Kes Politik Luar Bandar*. Shah Alam: UPENA.
- Welsh, B., & Chin, U.J., 2014. *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi*. Petaling Jaya: SIRD Centre.